

FWD Hajj Rider

Multiple benefit protection plan
to safeguard your pilgrimage



The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad is a member of PIDM.

Call our hotline: 1300 13 7988

Fulfil your spiritual pilgrimage with peace-of-mind

It's the dream of every Muslim to visit Makkah to perform the Hajj and Umrah.

There are some important factors to be considered in planning this spiritual journey including logistics, spiritual, physical and mental aspects. Yet no matter how well you plan, travels can hold the potential for unwanted surprises.



One aspect that is often overlooked is financial preparedness should an accident or unfortunate event happen during your pilgrimage or Umrah.

FWD Hajj Rider is designed to complement your existing takaful protection by providing a comprehensive solution to protect you and your loved ones, allowing you to realise your spiritual dream with calm and peace-of-mind.

Multiple benefits for your Hajj and Umrah

The rider provides a lump sum benefit in the event of death, or total and permanent disability (TPD) for the person covered. It also provides comprehensive protection including additional spouse benefits and coverage on Middle East Respiratory Syndrome (MERS) virus.



100% rider sum covered payable upon death or TPD due to any cause

200% rider sum covered upon death or TPD due to natural cause during Hajj or Umrah

300% rider sum covered upon death or TPD due to accidental cause during Hajj or Umrah

400% rider sum covered upon death or TPD due to accidental cause in public conveyance/ elevator/car/building during Hajj or Umrah



Spouse Compassionate Benefit of 50% rider sum covered or RM100,000, whichever is lower, upon the death of spouse during Hajj or Umrah



Additional 100% rider sum covered if death is **due to MERS virus**

Enjoy extended optional benefits

Save for your Hajj and Umrah and receive an allowance for your pilgrimage.



Regular Cash Payment (RCP) of 3% of rider sum covered payable every 2 years



Cash Allowance of RM2,000 upon performing your Hajj and Umrah

Comprehensive protection plus optional benefits

The following example illustrates how this rider benefits you. It provides additional benefits to your main certificate, and you need to pay a separate contribution to keep this protection in place...



Kassim was planning to perform the Hajj within the next five years, so he chose to participate in the FWD Hajj Rider with RM100,000 sum covered. He also opted to include the RCP and Cash Allowance benefits.



As Kassim had consistently made contribution payments in the first two years, he received the first RCP of RM3,000 in the 25th month. Kassim will continue receiving the RCP every 2 years thereafter which he can save towards performing the Hajj.

The following year Kassim and his wife, Zahreen travelled to Makkah to perform the Hajj together. Kassim claimed another RM2,000 Cash Allowance for the Hajj trip.



In the third year, Kassim performed the Umrah so he received the RM2,000 Cash Allowance before the Umrah trip as his pocket money.



The couple was involved in an accident while travelling by bus from Madinah to Makkah with other pilgrims. Kassim suffered total and permanent disability as a result and unfortunately Zahreen didn't survive.



Kassim received RM400,000 payout for TPD benefit and RM50,000 Spouse Compassionate Benefit due to the death of his wife as a result of the accident.

Who can be covered?

The person who meets the below age criteria can participate in this rider.



What are the coverage and contribution terms?

The coverage term starts from 5 years and up to maximum covered age of 80, subject to the base plan certificate term. You may choose to pay your contribution either in 5/10/15 year limited pay or throughout your coverage term.

How much do you have to contribute?

The contribution rates depend on the following criteria.

- Person covered's age at inception
- Person covered's gender
- Person covered is a smoker/non smoker
- Rider's certificate term
- Rider's sum covered

How much is the sum covered?

You can choose to be covered under this rider from RM10,000 and up to the base plan sum covered.

How much is the Wakalah fee?

The wakalah fee as % of your rider contribution is shown in table below.

Certificate Year	1	2-3	4	5-10	11+
Wakalah Fee	70%	55%	40%	25%	10%

This charge is based on a certificate with term 20 years or more. Lower charges will apply for shorter term certificates. You may refer to the benefit illustration for the Wakalah fee of your specific certificate term selected.

What we don't cover

Riders benefit will not be payable if death or TPD claim:

- Is due to suicide, attempted suicide or self-inflicted act within a year of the start of your rider or the date we last reinstated your rider.
- Arises because you or a person covered wilfully participated in an unlawful act, or unlawful failure to act.
- Is resultant from an act of war (whether declared or not), coup, revolution, riot, or any similar event.



Death or TPD during Hajj or Umrah benefit is unclaimable if death or TPD occurs during Ziarah or while travelling outside Saudi Arabia.



Death occurs due to MERS virus before travelling for Hajj/Umrah or not later than 21 days after returning from Saudi Arabia.

Note: This list is non-exhaustive. Please refer to FWD Hajj Rider Certificate for a full list of exclusions.

How are we Shariah-compliant?

1. We manage your contribution and our takaful operations are based on the Shariah contract of Wakalah and guided by our Shariah committee.



Takaful is a mutual assistance scheme based on the spirit of brotherhood and solidarity where you and others agree to assist each other financially if anyone of you suffers a specific loss.



Wakalah is the appointment by one party of another to act on his/her behalf.

2. We allocate your contributions, less the Wakalah fee into the Participants' Risk Fund (PRF), as tabarru'. The tabarru' are used to pay the benefits to claimants who are entitled to it based on:

- the solidarity of brotherhood and cooperation among the participants; and
- terms and conditions within the certificate



Tabarru' is a donation for the purpose of takaful.

3. In case of the good performance of the PRF, we'll be compensated 50% of the surplus as Ju'alah and the remaining 50% will be distributed to eligible participants.



If the value of PRF is insufficient to pay the claims, then we'll give Qard which is a benevolent interest-free loan to PRF.



Ju'alah is the reward to the Takaful Operator for the good performance of the participants' risk fund.

Important Notes

1. This brochure does not form a contract between you and FWD Takaful Berhad. The full terms and conditions are stated in the certificate documents.
2. FWD Hajj Rider doesn't provide benefits from PRF upon surrender or expiry of the rider certificate.
3. Only one of these benefits shall be payable under FWD Hajj Rider: death or TPD due to all causes benefit; death or TPD during Hajj or Umrah benefit; or death due to MERS virus.
4. For death due to MERS virus benefit, the diagnosis must be made within 21 days after returning from Hajj or Umrah.
5. Spouse Compassionate Death benefit is limited to one spouse and is claimable once only throughout the rider coverage term.
6. The first RCP will be payable on the rider's 2nd certificate anniversary provided that all due contributions are collected.
7. Cash Allowance benefit is claimable after 24 months of the waiting period and once a year up to RM10,000 throughout the rider coverage term.
8. You're entitled to an individual tax relief when you participate in this plan, subject to terms and conditions of the Inland Revenue Board (LHDN). You should satisfy yourself that this plan meets your needs and the contributions are affordable to you.
9. For further information on fees, charges and other details, please refer to the Product Disclosure Sheet and Benefit Illustration issued by our Agent.
10. In the unlikely event of conflict between the English and Malay versions of the content of this document, the English version shall prevail.

For more information,

please contact your agent,
call our hotline or
check out our website at

fwd.com.my



Call our service hotline

1300 13 7988

9 am – 6 pm

Monday to Friday

Exclude Weekend and
Public Holidays



Already a customer?

Simply log on to our
customer portal

About FWD Takaful Berhad

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) is part of FWD Group, a pan-Asian life insurance business with more than 13 million customers across 10 markets, including some of the fastest-growing insurance markets in the world. The company is focused on making the insurance journey simpler, faster and smoother, with innovative propositions and easy-to-understand products, supported by digital technology. Through this customer-led approach, FWD is committed to changing the way people feel about insurance and takaful. FWD Takaful is a takaful provider in Malaysia that offers family takaful services, licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and is regulated by Bank Negara Malaysia.

Visit fwd.com.my.

The benefit(s) payable under eligible product is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM’s TIPS Brochure or contact FWD Takaful or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad is a member of PIDM.

FWD Hajj Rider

Pelan perlindungan pelbagai manfaat
untuk melindungi ibadat haji anda



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.

Hubungi hotline kami: 1300 13 7988

Tunaikan ibadah Haji dengan pikiran yang tenang.

Adalah menjadi impian setiap umat Islam untuk mengunjungi Makkah bagi menunaikan Haji dan Umrah.

Terdapat beberapa faktor penting yang perlu dipertimbangkan dalam merancang perjalanan kerohanian ini termasuklah aspek logistik, kerohanian, fizikal dan mental. Namun, sebaik manapun perancangan, anda tidak akan terlepas daripada sebarang kemungkinan.



Salah satu aspek yang sering diabaikan adalah persiapan kewangan sekiranya berlaku kemalangan atau kejadian yang tidak diingini semasa anda menunaikan Haji atau Umrah.

FWD Hajj Rider direka bagi melengkapkan perlindungan takaful sedia ada dengan menyediakan penyelesaian komprehensif untuk melindungi anda dan orang tersayang dan membolehkan anda merealisasikan impian rohani anda dengan tenang.

Pelbagai manfaat bagi Haji dan Umrah anda

Rider ini memberikan manfaat sekali gus sekiranya berlaku kematian, atau hilang upaya penuh dan kekal (HUPK) bagi orang dilindungi. Ia juga memberikan perlindungan komprehensif termasuk manfaat dan perlindungan tambahan kepada pasangan terhadap virus Middle East Respiratory Syndrome (MERS).



100% jumlah dilindungi rider dibayar apabila berlaku kematian atau HUPK atas sebarang sebab

200% jumlah dilindungi rider apabila berlaku kematian atau HUPK atas sebab semula jadi semasa Haji atau Umrah

300% jumlah dilindungi rider apabila berlaku kematian atau HUPK atas sebab kemalangan semasa Haji atau Umrah

400% jumlah dilindungi rider apabila berlaku kematian atau HUPK atas sebab kemalangan dalam pengangkutan awam/lif/kereta/bangunan semasa Haji atau Umrah



Manfaat Ihsan Pasangan sebanyak 50% daripada jumlah dilindungi rider atau RM100,000, mana yang lebih rendah akan dibayar apabila pasangan anda meninggal dunia semasa Haji atau Umrah



Tambahan 100% jumlah dilindungi rider sekiranya kematian disebabkan oleh **virus MERS**

Nikmati manfaat pilihan tambahan

Simpan untuk Haji dan Umrah anda dan dapatkan elaun untuk menunaikannya.



Bayaran Tunai Berkala (RCP) sebanyak 3% daripada jumlah dilindungi rider akan dibayar setiap 2 tahun



Elaun Tunai sebanyak RM2,000 semasa anda menunaikan Haji dan Umrah

Perlindungan komprehensif dengan manfaat pilihan

Contoh berikut menggambarkan manfaat rider ini kepada anda. Ia memberikan manfaat tambahan kepada sijil utama anda, dan anda perlu membayar sumbangan berasingan bagi memastikan perlindungan ini tetap ada...



Kassim merancang untuk menunaikan Haji dalam masa lima tahun akan datang, jadi dia memilih untuk mengambil bahagian dalam FWD Hajj Rider dengan perlindungan sebanyak RM100,000. Dia juga memilih untuk memasukkan manfaat RCP dan Elaun Tunai.



Oleh kerana Kassim secara konsisten melakukan pembayaran sumbangan dalam dua tahun pertama, dia menerima RCP pertama sebanyak RM3,000 pada bulan ke-25. Kassim akan terus menerima RCP setiap 2 tahun berikutnya dan dia dapat menyimpan bagi tujuan menunaikan Haji.

Pada tahun berikutnya Kassim dan isteri, Zahreen pergi ke Makkah untuk menunaikan Haji bersama. Kassim menuntut Elaun Tunai sebanyak RM2,000 bagi perjalanan Haji.



Pada tahun ketiga, Kassim menunaikan Umrah dan dia mendapat Elaun Tunai sebanyak RM2,000 sebelum perjalanan Umrah sebagai wang saku.




Pasangan itu terlibat dalam kemalangan ketika menaiki bas semasa dalam perjalanan dari Madinah ke Makkah bersama jemaah lain. Akibat daripada kemalangan tersebut, Kassim mengalami hilang upaya menyeluruh dan malangnya Zahreen tidak dapat diselamatkan.



Kassim menerima bayaran RM400,000 untuk manfaat HUPK dan RM50,000 Manfaat Ihsan Pasangan atas kematian isterinya akibat daripada kemalangan itu.

Siapakah yang dilindungi?

Sekiranya anda memenuhi kriteria umur di bawah, anda layak mendapatkan perlindungan rider ini.



Apakah syarat perlindungan dan sumbangan?

Tempoh perlindungan bermula dari 5 tahun sehingga usia maksimum 80 tahun, tertakluk kepada tempoh sijil pelan asas. Anda boleh memilih untuk membayar sumbangan anda sama ada selama 5/10/15 tahun bayaran terhad atau sepanjang tempoh perlindungan anda.

Berapa jumlah yang perlu anda sumbangkan?

Kadar sumbangan bergantung pada kriteria berikut.

- Usia orang dilindungi pada permulaan sijil
- Jantina orang dilindungi
- Orang dilindungi adalah perokok/bukan perokok
- Tempoh sijil rider
- Jumlah dilindungi rider

Berapakah jumlah yang dilindungi?

Anda boleh memilih untuk dilindungi di bawah rider ini daripada RM10,000 sehingga bersamaan dengan jumlah dilindungi pelan asas.

Berapakah yuran Wakalah?

Yuran wakalah sebagai peratusan (%) sumbangan rider anda ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Tahun Sijil	1	2-3	4	5-10	11+
Yuran Wakalah	70%	55%	40%	25%	10%

Caj ini berdasarkan sijil dengan tempoh perlindungan 20 tahun atau lebih. Bayaran yang lebih rendah akan dikenakan bagi tempoh sijil yang lebih pendek. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi manfaat bagi yuran Wakalah berdasarkan terma sijil yang anda pilih.

Apa yang kami tidak lindungi

Manfaat rider tidak akan dibayar sekiranya kematian atau tuntutan HUPK:

- Disebabkan oleh bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan atas diri sendiri dalam tempoh setahun dari tarikh permulaan rider atau tarikh kami menghidupkan semula rider anda.
- Disebabkan anda atau orang dilindungi dengan sengaja terlibat dalam perbuatan yang menyalahi undang-undang, atau kegagalan untuk mematuhi undang-undang.
- Disebabkan atas tindakan peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan, atau sebarang kejadian yang serupa.



Manfaat kematian atau HUPK semasa mengerjakan Haji atau Umrah tidak boleh dituntut sekiranya kematian atau HUPK berlaku semasa Ziarah atau semasa melakukan perjalanan di luar Arab Saudi.



Kematian berlaku disebabkan virus MERS sebelum melakukan perjalanan Haji/Umrah atau selepas 21 hari setelah pulang dari Arab Saudi.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk FWD Hajj Rider Certificate untuk senarai pengecualian lengkap.

Adakah kami patuh Syariah?

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah Wakalah dan berpandukan jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah konsep saling membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sekiranya salah seorang peserta lain mengalami kerugian tertentu.



Wakalah bermaksud seseorang melantik satu pihak yang lain sebagai wakilnya.

2. Kami memasukkan sumbangan anda, di tolak yuran Wakalah, ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai tabarru'. Tabarru' digunakan untuk membayar manfaat kepada orang yang layak menerimanya berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan peserta; dan
- terma dan syarat mengikut sijil



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

3. Sekiranya DRP menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menggunakan 50% daripada lebihan sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada para peserta yang layak.



Jika nilai DRP tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, kami akan memberikan Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada DRP.



Ju'alah merupakan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi prestasi baik DRP yang akan diuruskan.

Nota Penting

1. Risalah ini tidak membentuk kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat lengkap dinyatakan dalam dokumen sijil.
2. FWD Hajj Rider tidak memberikan manfaat daripada Dana Risiko Peserta semasa penyerahan atau tamatnya sijil rider.
3. Hanya satu daripada manfaat ini yang akan dibayar di bawah FWD Hajj Rider: manfaat kematian atau HUPK akibat sebarang sebab; manfaat kematian atau HUPK semasa mengerjakan Haji atau Umrah; atau manfaat kematian akibat virus MERS.
4. Bagi manfaat kematian akibat virus MERS, diagnosis mesti dibuat dalam masa 21 hari setelah pulang dari Haji atau Umrah.
5. Manfaat Ihsan bagi Pasangan adalah terhad kepada satu pasangan dan hanya boleh dituntut sekali sahaja sepanjang tempoh perlindungan rider.
6. RCP pertama akan dibayar pada ulang tahun sijil ke-2 rider dengan syarat semua sumbangan telah dibayar.
7. Manfaat Elaun Tunai boleh dituntut selepas 24 bulan tempoh menunggu dan setahun sekali sehingga RM10,000 sepanjang tempoh perlindungan rider.
8. Anda berhak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Anda harus yakin bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan sumbangannya berpatutan bagi anda.
9. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai bayaran, caj dan maklumat lain, sila rujuk Lembaran Pendedahan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang dikeluarkan oleh Ejen kami.
10. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu bagi kandungan dokumen ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai.

Untuk maklumat lanjut,

sila hubungi ejen anda,
hubungi hotline kami atau
layari laman web kami di

fwd.com.my



Hubungi Talian
Perkhidmatan kami

1 300 13 7988

9 pagi – 6 petang
Isnin hingga Jumaat
Kecuali Hujung Minggu
dan Cuti Umum



Anda sudah menjadi pelanggan?

Sila log masuk ke portal
pelanggan kami

Mengenai FWD Takaful Berhad

FWD Takaful adalah unit perniagaan takaful Kumpulan FWD (“FWD”), perniagaan insurans hayat Asia yang mempunyai lebih daripada 13 juta pelanggan merentasi 10 pasaran, termasuk beberapa pasaran insurans yang paling pesat berkembang di dunia. Pendekatan FWD yang mengutamakan pelanggan dan disokong oleh teknologi digital bertujuan untuk menyampaikan pembaharuan yang inovatif, pelan perlindungan yang mudah difahami, dan pengalaman dengan insurans yang lebih mudah, cepat dan lancar. Melalui pendekatan yang mengutamakan pelanggan ini, FWD komited untuk mengubah pandangan orang ramai terhadap insurans dan takaful. FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari fwd.com.my.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Takaful atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

FWD Takaful Berhad ialah ahli PIDM.